

21 JUL 2001

PROTON-MODEL

PELBAGAI MODEL PROTON AKAN DIPERKENALKAN 3-4 TAHUN LAGI, KATA MAHALEEL

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Proton akan menggabungkan kereta-kereta yang berkemampuan dengan model-model yang menarik dalam kenderaan-kenderaan baru yang akan diperkenalkannya dalam tempoh tiga hingga empat tahun lagi, kata ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, hari ini.

"Kami telah mengumumkan kereta sports dalam kerjasama dengan Lotus dan satu model khusus dibuat daripada struktur jenis alumimium," katanya selepas pelancaran model ke-11 Proton, Juara, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Pada masa yang sama, Proton (Perusahaan Otomobil Nasional Bhd) akan mengubahsuai model-model kereta sedia adanya ketika ini termasuk Iswara yang berusia 17 tahun.

"Terdapat banyak kerja yang sedang dilakukan ketika ini bagi model khusus dan berprestasi tinggi serta mengubahsuai semula model Proton," kata Tengku Mahaleel.

Beliau juga berkata Proton komited untuk melancarkan sekurang-kurangnya satu model setahun tetapi sama ada yang kedua akan diperkenalkan tahun ini bergantung kepada keupayaan untuk memenuhi syarat-syarat pengujian dan standard kualiti.

Sementara itu, Dr Mahathir, yang juga hadir di sidang media itu berkata: "Saya telah lihat sebahagian daripada model baru itu. Ia berbaloi untuk ditunggu."

Perdana Menteri juga memberi pujian kepada Juara, kenderaan mini pelbagai guna (MPV).

Beliau berkata Juara adalah satu model yang unik yang memenuhi gaya hidup pengguna golongan muda, keluarga dan perniagaan.

Pemanduan dan pengendaliannya adalah baik memandangkan ia adalah input Lotus, katanya.

MPV automatik 1.1 liter itu berharga RM49,203.63 (termasuk aksesori standard).

Tengku Mahaleel berkata kira-kira lima hingga enam ribu unit model baru itu dijangka dijual tahun ini di mana sasarannya adalah 10,000 unit setahun.

"Bagaimanapun kami menjangkakan prestasi jualan sama seperti model Waja. Kami sedikit bimbang bagi bahagian pembekal."

Kepada satu soalan, Tengku Mahaleel berkata Juara hanya akan diedarkan oleh anak syarikat milik penuhnya, Proton Edar Sdn Bhd.

"Proton Edar adalah satu-satunya pengedar yang memeterai perjanjian pengedaran dengan kami tetapi Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) tidak," katanya.

Beliau juga berkata Proton akan mengeksport Juara dalam tempoh dua hingga tiga tahun selepas proses merekayasa model-model tersebut selesai.

Tengku Mahaleel berkata Juara hanya melalui perubahan dan pembaikan dalam aspek-aspek pengendalian di jalan raya berbanding model asalnya yang dipinjam daripada rakan kongsi teknologinya, Mitsubishi.

Menyentuh perkara lain, beliau berkata Proton dan Mitsubishi masih lagi berbincang mengenai rancangan Proton untuk "mengambil" model Mitsubishi yang telah direkayasa oleh Proton. -- BERNAMA

MAD MKO ZK